

# Dr. Mahathir, Hadi bertemu lagi

m/s: 4  
UM - 16/2/2019

**KUALA LUMPUR 15 Feb.** - Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di pejabat Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu di Yayasan Al-Bukhary di sini.

Antara yang turut hadir dalam pertemuan itu ialah Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Terengganu, Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

Pertemuan secara tertutup itu berlangsung dari pukul 9 pagi sehingga 9.45 pagi dan difahamkan ia diadakan atas permohonan Abdul Hadi.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan atas tujuan apa pertemuan antara dua pemimpin itu diadakan.

Ini merupakan kali kedua Dr.



**PERDANA Menteri bersalaman dengan Abdul Hadi Awang ketika menerima kunjungan beliau di Yayasan Al-Bukhari, Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI**

Mahathir dan Abdul Hadi mengadakan pertemuan seumpamanya sejak Pakatan Harapan

menang Pilihan Raya Umum Ke-14 pada Mei lalu dan membentuk kerajaan.